

# Undang-undang aktiviti air dikaji

**Dijangka diwartakan tahun depan bagi memastikan tahap keselamatan optimum**

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

**K**ementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) sedang mengkaji undang-undang penguatkuasaan keselamatan di air dan rekreasi.

Timbalan menterinya, Senator Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah berkata, undang-undang berkenaan akan dikawal selia dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri masing-masing.

Menurutnya, antara yang telah dirangka ialah Garis Panduan Pengurusan dan Penyenggaraan Kolam renang di kawasan PBT

seluruh negara.

"Kita menjangkakan semua undang-undang kecil yang telah dikaji akan diwartakan seawal tahun 2020 bagi memastikan tahap keselamatan orang awam berada di tahap paling optimum. Ia bergantung kepada pihak yang akan bekerjasama dalam pelaksanaan penguatkuasaan ini dan perlu ada satu standard kawal selianya.

"Undang-undang tersebut membentuk keseragaman di seluruh badan yang terlibat dalam aktiviti air dan rekreasi," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti di Air 2019 di Teluk Chempedak, di sini semalam.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pahang, Abd Rahim Muda; Ahli Dewan Undangan Negeri Teruntum, Sim Chon Siang; Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Nor Hisham Mohamad; Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jais Suratman dan Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan



Raja Kamarul Bahrin (tga dari kanan) membuat demonstrasi penyelamatan di air menggunakan Inovasi LISA sambil diperhatikan Chon Siang (tga dari kiri) dan Nor Hisham (kanan) di Teluk Chempedak, Kuantan semalam.

Pembersihan Awam (SWCorp) Pahang, Sharudin Hamid.

Dalam pada itu, katanya, semua pemilik badan mengendalikan aktiviti air sama ada PBT mahupun agensi diminta memasang papan

tanda amaran dengan menggunakan simbol ISO 20712 supaya mudah difahami pengunjung.

"Pemasangan papan tanda seragam itu pertama kali dilaksanakan di Malaysia. Begitu juga

pasangan Life Saving Appliances (LISA).

"LiSA bertindak sebagai agen penyelamat di mana ia mempunyai siren yang berbunyi jika ada kecemasan serta-merta," katanya.